

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PEGAWAI SAINS C41 UMBI

Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI) dengan ini mempelawa calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Pegawai Sains C41 (Kontrak) di UMBI.

Kelayakan Minimum :

- i. Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred C41: P1T3 RM1900.40); **DAN**
- ii. **Lulus** Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- iii. Pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan pengurusan kualiti dan akreditasi makmal adalah satu kelebihan.
- iv. Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI SAINS C41 UMBI

Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab ke atas tugas-tugas kualiti dan akreditasi makmal sepenuh masa dengan membantu ketua jabatan/penyelia dalam urusan-urusan seperti berikut:

- Menyedia, membangun, mengimplementasi, memantau dan mengurus prosedur-prosedur akreditasi makmal khususnya MS/IEC 17025 dan MS/IEC 15189 menepati keperluan piawai.
- Menyedia, mengenal pasti, merancang dan menjalankan strategi ke arah pengurusan kualiti.
- Memastikan dokumen kualiti dan jalan kerja dalam keadaan terkawal dan rapi.
- Memastikan semua aktiviti dan sumber yang melibatkan makmal diselaraskan secara berpusat dan diurus secara seragam, bersepadu serta memenuhi piawaian minimum yang ditetapkan.
- Menyelaras dan memantau kerja-kerja dan program-program kualiti dan akreditasi makmal seperti kalibrasi dan pengauditan.
- Menyediakan laporan melibatkan pengurusan kualiti dan akreditasi makmal institut.
- Bertanggungjawab terhadap lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan/penyelia dari semasa ke semasa.

Cara memohon:

Sila lengkapkan borang permohonan yang disertakan. Borang permohonan yang lengkap diisi perlu dikemukakan bersama dengan 1 salinan Kad Pengenalan, 1 salinan Sijil Kelahiran, salinan sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berserta **resume lengkap** melalui e-mel kepada **farlizaz@ppukm.ukm.my** atau **secara pos** ke alamat berikut:

Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI)
Tingkat 7, Blok Klinikal,
Pusat Perubatan UKM,
Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak
56000 Cheras, Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pn. Farliza Zakaria di talian 03-9171 8461/8459 sambungan 103.

Tarikh tutup permohonan : **20 Ogos 2010 (Jumaat)**

** Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil menghadiri temuduga